




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

3 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 2,717 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 346,665 kes. Sebanyak tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Kota Belud dan Tenom manakala masing-masing satu (1) kes di Kota Kinabalu, Kinabatangan dan Sipitang. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 3,985 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 301,911 orang. Manakala 1,543 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 990 orang di hospital, 535 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 63 orang merangkumi 54 di ICU/repurposed kritikal care serta sembilan (9) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 481 kes berbanding semalam, menjadikan angka jangkitan baharu Negeri Sabah berjumlah 2,717 kes.
- b. Kota Kinabalu kembali mencatatkan kes empat (4) angka iaitu 1,350 kes pada hari ini. Angka ini adalah 49.68% atau hampir separuh daripada jumlah keseluruhan kes baharu negeri Sabah. Bagaimanapun sebahagian besar daripada jumlah kes di Kota Kinabalu merupakan kes-kes tertunggak (backlogs) yang baru didaftarkan. Sebagai misalan, 556 kes yang dicatatkan di Kota Kinabalu pada hari ini adalah kes-kes tertunggak melebihi 9 hari. Apa yang lebih membimbangkan ialah hampir 84% kes baharu di Kota Kinabalu merupakan kes-kes jangkitan sporadik dalam komuniti.
- c. Jangkitan sporadik semakin meningkat, yaitu 71.18% daripada jumlah jangkitan. Peratusan kes bergejala melalui jangkitan sporadik hari ini adalah yang tertinggi yang pernah direkodkan di Negeri Sabah. Sebanyak 23 daripada 27 daerah juga memperlihatkan trend yang sama, di mana kes sporadik adalah kes terbanyak di daerah-daerah berkenaan. Atas sebab inilah kita selalu menyeru rakyat agar mematuhi semua SOP sepanjang masa sebagai benteng perlindungan daripada ancaman jangkitan virus COVID-19.
- d. Lima (5) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Penampang 184 kes, Tuaran 131 kes, Papar 120 kes, Keningau 113 kes dan Beaufort 108 kes. 18 daerah lagi mencatatkan kes dua (2) angka dan tiga (3) daerah iaitu Semporna, Kalabakan dan Telupid masing-masing mencatatkan kes satu (1) angka.
- e. Sebanyak 2,690 atau 99.00% daripada 2,717 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, empat (4) kes dalam Kategori 3, 17 kes dalam Kategori 4 dan enam (6) kes dalam Kategori 5.

- f. Setakat ini, PICKids Sabah telah berjaya melaksanakan pemberian vaksin kepada 53,371 kanak-kanak daripada 411,400 kanak-kanak berumur antara 5-11 tahun yang layak divaksin. Sebanyak 333 kes hari ini melibatkan kanak-kanak bawah umur 11 tahun yang belum divaksin, dengan 172 daripadanya merupakan kanak-kanak yang belum layak mendapat vaksin (bawah umur 5 tahun).

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	10	0.37%
2	Kontak	458	16.86%
3	Bergejala	1,934	71.18%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	315	11.59%
JUMLAH		2,717	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (3 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 02/03/2022	Catatan Kes 03/03/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	781	1350	+569
2	Penampang	138	184	+46
3	Tenom	54	79	+25
4	Lahad Datu	31	56	+25
5	Beaufort	97	108	+11
6	Papar	110	120	+10
7	Kudat	21	28	+7
8	Keningau	108	113	+5
3	Putatan	58	62	+4
10	Kalabakan	8	10	+2
11	Tambunan	18	19	+1
12	Tuaran	170	131	-39
13	Kota Belud	113	79	-34
14	Kuala Penyu	49	16	-33
15	Kota Marudu	64	44	-20
16	Tawau	103	84	-19
17	Telupid	21	2	-19
18	Nabawan	25	14	-11
19	Sandakan	75	64	-11
20	Ranau	46	36	-10
21	Pitas	24	16	-8
22	Sipitang	46	39	-7
23	Beluran	25	19	-6
24	Tongod	17	14	-3
25	Kunak	9	7	-2
26	Kinabatangan	17	16	-1
27	Semporna	8	7	-1
JUMLAH		2,236	2,717	+481

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	75	1129	0	146	1,350	15,196
Penampang	0	38	140	0	6	184	5,528
Tuaran	0	61	59	0	11	131	4,470
Papar	0	37	71	0	12	120	3,784
Keningau	0	51	50	0	12	113	2,040
Beaufort	0	27	60	0	21	108	2,028
Tawau	0	5	60	0	19	84	2,915
Kota Belud	0	34	37	0	8	79	2,204
Tenom	0	21	51	0	7	79	968
Sandakan	0	4	56	0	4	64	2,026
Putatan	0	18	36	0	8	62	2,772
Lahad Datu	0	10	28	0	18	56	1,579
Kota Marudu	10	9	24	0	1	44	1,303
Ranau	0	18	11	0	7	36	1,105
Kudat	0	1	22	0	5	28	362
Sipitang	0	12	26	0	1	39	770
Beluran	0	9	9	0	1	19	511
Tambunan	0	5	12	0	2	19	614
Pitas	0	2	10	0	4	16	538
Kuala Penyu	0	12	4	0	0	16	793
Kinabatangan	0	3	2	0	11	16	309
Tongod	0	0	13	0	1	14	355
Nabawan	0	3	8	0	3	14	451
Kalabakan	0	0	7	0	3	10	106
Kunak	0	2	4	0	1	7	336
Semporna	0	1	3	0	3	7	172
Telupid	0	0	2	0	0	2	431
JUMLAH	10	458	1,934	0	315	2,717	53,666

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Marudu	Kluster Jalan Kebulian	10
Jumlah		10

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,055 unit

- Hospital 1,792 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,967 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 268 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 38.05%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 3 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,699
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	13
Jumlah	2,717

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Indonesia	3
Jumlah	3

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
Jumlah	2

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,616
Bukan Malaysia	101
Jumlah	2,717

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	172
Belum Menerima Vaksin (5-11)	161
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	176
Menerima 1 Dos	23
Lengkap 2 Dos	1,472
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	713
Jumlah	2,717

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	43
1-4	129
5 -11	176
12-17	107
18-29	666
30-39	657
40-49	380
50-59	274
60-69	172
70-79	76
80-89	30
>90	7
Jumlah	2,717

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 2 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 15,275 orang. Daripada jumlah ini, seramai 12,881 orang adalah penduduk dewasa, 72 orang adalah penduduk remaja 2,322 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 2 setakat 1 Mac 2022 adalah seramai 2,509,536 orang. Ini meliputi 2,119,480 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.02% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,413,683 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,099,957 orang atau 77.30% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 339,007 orang atau 79.54% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,726 atau 73.61% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 53,371 atau 12.97% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **683,517** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak tujuh (7) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
 - Empat (4) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis.

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 183 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 38 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 836 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 790 premis perniagaan dan 1, 537 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis dan individu.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 66 Premis Perniagaan melibatkan 32 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 120 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 284 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.4%
2	Semporna	98.3%
3	Beluran	98.2%
4	Kudat	98.2%
5	Kinabatangan	98.1%
6	Sipitang	98.1%
7	Keningau	98.1%
8	Sandakan	98%
9	Beaufort	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Tenom	98%
12	Penampang	98%
13	Lahad Datu	98%
14	Ranau	98%
15	Papar	97.9%
16	Tawau	97.9%
17	Kota Kinabalu	97.8%
18	Kota Belud	97.8%
19	Tuaran	97.8%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II